

KL bakal pusat

UM 21 AUG 2003

KUALA LUMPUR 20 Ogos — Kuala Lumpur bakal menjadi pusat tumpuan aktiviti sukan equestrian utama di negara ini tidak lama lagi apabila satu kawasan khas untuk sukan tersebut dibuka bulan depan.

Datuk Bandar, Datuk Mohamad Shaid Mohd. Taufek berkata, pihaknya telah menyediakan satu

kawasan di Bukit Jalil bagi tujuan tersebut dan dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, aktiviti sukan berkuda merupakan satu aktiviti baru kepada masyarakat di negara ini dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhasrat untuk mempelopori usaha itu.

“Kita yakin ia berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan,” ujarnya semasa merasmikan logo Pertandingan Equestrian Antarabangsa Kuala Lumpur (KL) Grand Prix di sini hari ini.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Penasihat pertandingan berkenaan, Datuk Mahamad Fathil Mahmood dan Pengarah

sukan equestrian

Urusan Asiapromote Venture Sdn. Bhd., Wan Zaleha Radzi.

Pertandingan bertaraf antarabangsa yang akan diadakan selama empat hari bermula 2 Oktober itu adalah julung-julung kali diadakan di negara ini.

Mohamad Shaid seterusnya memberitahu, pusat equestrian di Bukit Jalil itu kini dalam proses

penyelidikan kualiti padang oleh beberapa pakar luar negara termasuk Australia.

Dalam pada itu, beliau menegaskan, penganjuran pertandingan sukan berkuda antarabangsa itu diharap mampu menyumbang kepada peningkatan sektor pelancongan di ibu kota.

“Ia juga diharap dapat memba-

wa nama Kuala Lumpur ke persada dunia melalui kejohanan sukan berkuda di seluruh dunia terutama Eropah,” jelas beliau.

Kuda, menurut Datuk Bandar, ternyata mampu menarik perhatian ramai kerana sebelum ini Unit Berkuda DBKL menjadi tumpuan ramai pelancong.

DBKL juga, katanya, amat me-

nitikberatkan aspek pelancongan dan telah menubuhkan Majlis Tindakan Pelancongan Kuala Lumpur sejak awal tahun lepas.

“Melalui majlis ini, kita telah mempromosikan Kuala Lumpur sempena Formula One dan Larian Maraton Antarabangsa KL dan kini sukan berkuda,” katanya.